SAMPEL PERCUMA

Soalan Sejarah Tingkatan 4 Bab 1 Warisan Negara Bangsa + Jawapan

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari


RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

8 Rajah berikut menunjukkan hubungan timbal balik antara golongan pemerintah dengan golongan yang diperintah ms6



Apakah X?

A Mengekalkan keamanan

B Mewujudkan persefahaman

C Menjamin kesejahteraan rakyat

D Meningkatkan kemakmuran negara

9 Maklumat berikut menunjukkan hubungan yang terjalin antara Kesultanan Melayu Melaka dengan kerajaan Dinasti Ming. ms 6

Kerajaan Dinasti Ming telah menghantar Laksamana Cheng Ho sebagai utusan bagi menjalinkan hubungan antara China dengan Melaka

Apakah kesan hubungan tersebut kepada Melaka?

A Menggalakkan pelaburan asing

B Memajukan pendidikan

C Mendapat pengiktirafan

D Meluaskan wilayah

10 Senarai berikut merupakan kawasan yang berada dalam wilayah pengaruh Kesultanan Melayu Melaka ms7

- Lingga
- Patani
- Kedah

Bagaimanakah Melaka memperoleh kawasan tersebut ?

A Paksaan

B Penaklukan

C Peperangan

D Persahabatan

11 Jadual berikut merupakan menunjukkan lambang kerajaan Kesultanan Melayu Melaka dan Malaysia ms7

Kesultanan Melayu Melaka	**Malaysia**
Cap mohor	Bunga Raya
Nobat	Lagu Negaraku
Regalia	Jata Negara

Apakah persamaan fungsi kedua-dua lambang tersebut ?

A Mengiktiraf warisan bangsa

B Merupakan identiti kerajaan

C Melambangkan keagungan raja

D Memantapkan kedudukan pemerintah

12 Berikut merupakan dua undang-undang bertulis yang terdapat dalam Kesultanan Melayu Melaka . **ms10**

- Hukum Kanun Melaka
- Undang-undang Laut Melaka

Mengapakah undang-undang tersebut penting ?

A Memelihara perpaduan kaum

B Menghalang pencerobohan

C Mengukuhkan kerajaan

D Memajukan ekonomi

1.3 Keunggulan Sistem Pentadbiran dan Undang-undang

13 Apakah maksud 'Kawasan Pegangan' yang diamalkan dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka? **Ms12**


A Keistimewaan yang diberi oleh Pembesar Berempat

B Kawasan yang dikurniakan oleh Sultan kepada pembesar

C Kawasan Pembesar Berempat menjalankan hubungan diplomatik

D Kawasan petempatan Sultan yang menjadi pusat undang-undang

14 Sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka: **ms 8**



X ialah

A Penghulu Bendahari

B Syahbandar

C Bentara

D Orang Kaya

15 Berikut merupakan tanggungjawab seorang Temenggung dalam Pentadbiran Sistem Pembesar Empat Lipatan. **Ms 9**

A Panglima Angkatan Tentera

B Mengurus perbendaharaan negara

C Menjaga keselamatan Kota Melaka

D Ketua Turus Angkatan Tentera

16 Berikut adalah tugas pembesar peringkat jajahan di bawah pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka. **ms9**

I Menguruskan pentadbiran

II Mengutip cukai

III Pemangku sultan

IV Mengawal perbendaharaan tanah jajahan


A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

17 Rajah berikut berkaitan undang-undang yang diamalkan dalam Kesultanan Melayu Melaka. **ms10**



X merujuk kepada

A Hukuman kesalahan

B Undang-undang negeri

C Urus niaga

D Kekeluargaan

3 Kesultanan Melayu Melaka mempunyai dua undang-undang yang berasaskan syariah dan hukum adat, iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka.

(a) Nyatakan kesalahan jenayah yang menyebabkan rakyat dijatuhkan hukuman bunuh dalam KKM?

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Jelaskan peranan seorang malim dalam sesebuah pelayaran?

.....

.....

.....

[2 markah]

(c) Terangkan peranan nakhoda dalam Undang-undang Laut Melaka?

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(d) Ramalkan keadaan yang berlaku sekiranya pelaksanaan undang-undang dalam sebuah negara tidak dipatuhi?

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

Soalan		Cadangan PP	Markah
3 (a)		Nyatakan kesalahan jenayah yang menyebabkan rakyat dijatuhkan hukuman bunuh dalam KKM?	
	F1	Ingkar arahan sultan	1
	F2	Memalsukan titah sultan	1
	F3	Membunuh orang lain tanpa pengetahuan Raja atau pembesar	1
		(mana-mana jawapan 2x1 m)	[2 m]
(b)		Jelaskan peranan seorang malim dalam sesebuah pelayaran?	
	F1	Arif tentang ilmu pelayaran	1
	H1	Mengetahui keadaan ombak, arus dan kedudukan bulan bintang	1
		(2x1m)	[2 m]
(c)		Terangkan peranan nakhoda dalam Undang-undang Laut Melaka?	
	F1	Diibaratkan sebagai raja dalam pelayaran/berkuasa penuh	1
	F2	Perlu bermesyuarat jika ingin singgah di suatu tempat yang tiada dalam senarai	1
	F3	Segala arahannnya perlu dipatuhi oleh anak kapal	1
	F4	Diberi keutamaan berniaga selama 4 hari	1
		(mana-mana jawapan 3x1m)	[3 m]
(d)		Ramalkan keadaan yang berlaku sekiranya pelaksanaan undang-undang dalam sebuah negara tidak dipatuhi?	
	F1	Negara akan kucar kacir	1
	F2	Berleluasa kes jenayah	1
	F3	Menyebabkan negara tidak aman	1
	F4	Mengurangkan keyakinan pelabur ke negara kita	1
	F5	Ekonomi negara merosot	1
			[3 m]
		(mana-mana jawapan 3x1m)	

BAB 1 : WARISAN NEGARA BANGSA

BAHAGIAN B (ESEI)

1 Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka merupakan asas pembentukan negara bangsa

(a) Jelaskan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka [8 markah]

(b) Bagaimanakah keunggulan undang-undang dapat memastikan keunggulan negara dan bangsa sesebuah kerajaan? [6 markah]

(c) Pada pandangan anda, apakah kepentingan undang-undang kepada sesebuah negara atau kerajaan? [6 markah]

2



Ilustrasi Pelabuhan Melaka pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Perdagangan merupakan elemen penting yang menjadikan Kesultanan Melaka terkenal seluruh dunia

(a) Apakah yang anda faham tentang Undang-undang Laut Melaka ?

[4 markah]

(b) Nyatakan kandungan perkara berikut yang terdapat dalam Undang-undang Laut Melaka.

i) Peranan Nakhoda [4 markah]

ii) Percukaian [4 markah]

(c) Undang-undang menjamin kemakmuran dan kesejahteraan ekonomi sesebuah negara. Beri ulasan anda berdasarkan pernyataan di atas.

[8 markah]

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar